

KARNIVAL TERIMA KASIH RAKYAT



Ribuan kunjungi
Karnival 'Terima
Kasih Rakyat'

muka 6&7

Kerajaan negeri
komited bantu
petani

muka 4

PJS urus jenazah
percuma ringankan
beban waris

muka 10



Pakatan Rakyat selamatkan tanah rizab Melayu yang dijual Umno

Oleh NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Sesi Dewan Negeri Selangor (DNS) yang baru berakhir, sekali lagi digemparkan dengan pendedahan salah laku pentadbiran Umno-BN yang lama, kali ini berkaitan dengan tanah rizab Melayu.

Isu ini mula hangat apabila DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menyarakkan kerajaan negeri agar mempertahankan tanah rizab Melayu.

Beberapa hari selepas titah Sultan Selangor itu, Adun Pakatan Rakyat (PR) mendedahkan bagaimana pentadbiran Umno-BN sebelum 2008 memindah milik tanah rizab Melayu 76 ekar di Parlimen Gombak.

Tanah tersebut dipindah milik dan diberikan kepada syarikat Triumph City Development Sdn Bhd.

Perbuatan tersebut mirip apa yang berlaku di Puchong, di mana Umno bahagian Puchong yang diketuai Ketua Pembangkang Datuk Satim Diman, cuba menjual tanah rizab Melayu kepada syarikat bukan bumiputera.

Adun Bukit Antarabangsa, Azmin Ali berkata, tanah asal itu tidak digantikan dengan tanah di kawasan lain seperti yang diwajibkan undang-undang.

Azmin dalam perbahasannya berkata, syarikat itu gagal membangunkan tanah berkenaan. Malah ia turut berdegil dengan tidak menjelaskan bayaran premium tanah biarpun status tanah itu telah ditukar.

Setelah PR mengambil alih pentadbiran kerajaan negeri, Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid merampas kembali tanah di Sungai Sering, Gombak itu dan menukar statusnya kembali kepada tanah rizab Melayu.

"Ini membuktikan bahawa Umno-BN apabila diberi kuasa, telah mengkhianati dan mencabuli kepentingan orang Melayu di negeri Selangor," katanya.



Gambar oleh Mohd Hairid Abd Hamid

PRIHATIN... Isteri Menteri Besar, Puan Sri Salbiah Tunut menyerahkan cek berjumlah RM30,000 sumbangan daripada MBI, PKNS dan PNSB kepada keluarga Mawar Nur Farisyah Alsuwad yang menghidap penyakit lumpuh otak, jantung berlubang dan injap jantung sempit bagi membiayai kos pembedahan di Pusat Perubatan Gleneagles Intan, Ampang 4 April. BERITA PENUH MUKA 2

Pada sesi yang sama, Adun Seri Setia, Nik Nazmi Nik Ahmad turut menceritakan bagaimana Abdul Khalid mengagalkan usaha Umno Puchong untuk menjual tanah rizab Melayu kepada syarikat bukan Melayu.

Permohonan yang di buat pada tahun 2010 itu ditolak Abdul Khalid.

Jelas Azmin, perbuatan Umno-BN mencerminkan sifat sebenar parti nasionalis kaum itu di sebalik retorik pro-

Melayunya.

"Semua itu hanya sandiwara, apabila diberikan kuasa merekalah yang merampas hak orang Melayu. Saya mohon kerajaan negeri memaklumkan terus kepada Sultan Selangor mengenai perkara ini," katanya.

Dalam menguruskan rizab Melayu, Umno-BN juga seringkali menukar tanah di kawasan bandar dengan tanah di kawasan luar bandar yang bernilai jauh lebih rendah

daripada harga tanah rizab yang asal.

"Hal ini menyebabkan tanah rizab Melayu di Negeri Selangor susut nilai dan memberi impak kepada nilai aset orang Melayu. Inilah amalan khianat Umno kepada orang Melayu di negeri Selangor ketika mentadbir negeri ini."

Tambah Azmin, PR berikrar akan terus menjaga hal dan kepentingan orang Melayu tanpa mengorbankan kepentingan kaum lain.

Tuduhan PM berniat jahat

Oleh MOHD EZLI MASHUT

SHAH ALAM - Tuduhan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Razak bahawa Kerajaan Selangor yang dipimpin Pakatan Rakyat (PR) menipu kerana gagal menunaikan janji pilihanraya dibuat tanpa kajian, penuh emosi dan berniat jahat, tegas Setiausaha Politik Menteri Besar Selangor, Faekah Husin (*gambar*).

"Berdasarkan kajian kita lakukan, rakyat tidak terlalu menekankan pada janji berupa habuan wang ringgit tetapi lebih kepada tuntutan untuk sebuah

pentadbiran yang telus, efisien, bertanggungjawab dan melaksanakan amanah rakyat dengan jujur," kata Faekah dalam kenyataan media.

Menurut Faekah, dalam Pilihan Raya Umum 2008, Umno-BN banyak menabur janji kepada rakyat yang kini belum dilaksanakan malah belum ada tanda janji ini akan dilaksanakan.

"Program transformasi yang

dijanjikan beliau kini jauh daripada mencapai sasaran. Perbuatan Najib ini seumpama 'telunjuk lurus keliling berkait', hipokrit dan penuh kepura-puraan," katanya.

Tambah Faekah, rakyat memahami bukan semua janji berupa imbuhan seperti penurunan cukai pintu dapat dilaksanakan dengan serta-merta.



Namun apa yang dituntut rakyat tanpa kompromi ialah sebuah kerajaan negeri yang ditadbir dengan baik dengan pemimpin yang tidak merompak harta rakyat.

"Sebuah kerajaan yang menipu ialah apabila pemimpinnya salah guna wang rakyat seperti dana Perbadanan Fidlot Nasional (NFC) sebanyak RM250 juta. Menipu wang rakyat ialah apabila pemimpin mendapat komisen lebih RM500 juta hasil pembelian kapal selam Scorpene.

"Menipu wang rakyat ialah apabila pemimpin memutus-

kan untuk melupuskan hutang kroni terhadap kerajaan, mengutamakan keuntungan kroni berbanding kebajikan rakyat dalam pemberian kontrak kepada Puncak Niaga," ujarnya.

Faekah berkata lagi, pemimpin-pemimpin beginilah yang sebenarnya menipu rakyat. Justeru, rakyat Selangor tidak lagi percaya dengan Najib dan pemimpin Umno-BN.

"Sebab sepanjang pemerintahan mereka di Selangor, watak-watak pemimpin hipokrit sebegitulah yang berjaya dipamerkan oleh mereka," tegas beliau.

Tanah Bistari Jaya tidak dirampas

SHAH ALAM - Kerajaan negeri tidak pernah merampas tanah pertanian rakyat di Bestari Jaya seperti yang dilaungkan peserta demo di sana, Sabtu lalu.

Exco Permodenan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam dan Pembangunan Usahawan, Dr Yaakob Sapari tampil dalam satu sidang media untuk menjelaskan isu sebenar di sebalik tuduhan tersebut.

"Hakikatnya, tanah itu yang sebelum ini milik TKPM (Taman Kekal Pengeluaran Makanan) yang diusahakan Kementerian Pertanian sudah diberi milik kepada Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) pada tahun 2007, iaitu sebelum Pakatan Rakyat (PR) mentadbir di negeri ini.

"Jadi, dakwaan bahawa kerajaan negeri sekarang merampas tanah berkenaan daripada petani adalah meleset sama sekali, kemungkinan ia dilakukan oleh pihak-pihak yang cuba mengambil kesempatan atas isu status tanah tersebut," jelas Dr Yaakob.

Menurutnya lagi, walaupun diputuskan Mesyuarat Exco bahawa tanah itu milik KDEB, kerajaan negeri masih menjalankan perbincangan dengan pihak KDEB bagi membolehkan penduduk setempat memperoleh hasil daripada tanah itu.

"Pihak KDEB bersetuju untuk membenarkan petani mengusahakan tanah itu dengan syarat, mereka perlu menyewa tanah tersebut daripada pihak KDEB.

"Sehubungan itu, kita akan adakan pertemuan antara petani

Hakikatnya, tanah itu yang sebelum ini milik TKPM (Taman Kekal Pengeluaran Makanan) yang diusahakan oleh Kementerian Pertanian sudah diberi milik kepada Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) pada tahun 2007, iaitu sebelum Pakatan Rakyat mentadbir di negeri ini

- DR YAAKOB SAPARI
Exco Permodenan Pertanian,
Pengurusan Sumber Alam

dengan pihak KDEB bagi menjelaskan terma yang lebih jelas dengan cadangan tersebut," terang Dr Yaakob sambil menambah, pertemuan itu dijangka berlaku April nanti.

Tanah tersebut berkeluasan 745 ekar dan diusahakan 35 petani yang mengusahakan ternakan ikan dan juga pertanian seperti penanaman buah-buahan.

Sebelum ini, media pro-BN menyiarkan laporan menyatakan kerajaan negeri mengeluarkan notis 14 hari kepada 22 petani. Bagaimanapun, ketika ditanya, Dr Yaakob menjawab kesemua yang mengadakan demo tersebut bukanlah petani yang dikatakan mengusahakan kawasan berkenaan.

RM30,000 bantu Adik Mawar jalani pembedahan

SHAH ALAM - Farid AlSuwad, 34, bapa kepada Adik Mawar Nur Farisya Alsuwad melahirkan rasa syukur dengan keprihatinan yang ditunjukkan Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri (GLC) Selangor yang prihatin dengan nasib yang menimpanya sekeluarga.

Adik Mawar, 2, yang menghidap penyakit lumpuh otak, jantung berlubang dan injap jantung sempit memerlukan RM40,000 bagi membiayai kos pembedahan di Pusat Perubatan Gleneagle Intan, Ampang, 4 April depan.

Wang RM30,000 ini disumbangkan oleh Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB), Perbadanan Menteri Besar (MBI) dan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS).

Sumbangan itu disampaikan dalam bentuk cek oleh isteri Menteri Besar Selangor, Puan Sri Salbiah Tunut sambil disaksikan Ketua Pegawai Eksekutif PNSB, Datuk Ahmad Omar dan Pengurus Besar PKNS, Othman Omar.

Hadir sama Adun Taman Medan, Haniza Talha.

Menurut Farid, beliau terharu dengan bantuan yang diberi serta kesudian Puan Sri Salbiah hadir ke rumah untuk melihat keadaan anak beliau..

"Terima kasih banyak kerana memberikan saya peluang dan harapan kembali untuk melihat anak saya sihat seperti

kanak-kanak lain," katanya ketika ditemui.

Jelasnya, sebelum ini beliau hampir berputus asa kerana tiada tempat mengadu dan bergerak berseorangan mendapatkan bantuan.

Adik Mawar pada awalnya dilahirkan normal seperti kanak-kanak lain, malangnya, dua minggu kemudian dia sering menangis tanpa henti.

"Saya tidak tahu apa punca kepada penyakitnya, nak kata keturunan, tiada keturunan kami yang ada menghidap penyakit begitu.

"Lagipun, ketika scan jantina bayi dalam kandungan sebelum dilahirkan, Mawar didapati sihat dan tiada penyakit," katanya.

Isterinya, Salbiah Ramli, 29, bekerja sebagai kakitangan kerajaan, terpaksa berhenti kerja ketika Mawar berumur tiga bulan kerana menjaga anaknya itu.

"Pengasuhnya tidak dapat menjaganya lagi kerana Mawar seringkali pengsan dan sesak nafas.

"Sejak dilahirkan, Mawar hanya bergantung dengan susu dan nestum kerana mulut Mawar sakit dan akan menangis setiap kali kami menyuapnya nasi," katanya.

Katanya, hampir setiap hari Mawar akan menangis, kaki tangannya bengkok dan mukanya kebiruan.

"Perkara itu sangat merisaukan kami sekeluarga," katanya.





Oleh NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Unsur sabotaj melalui pesanan ringkas (SMS) yang dilakukan oleh Umno-BN berhubung Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) dikenal pasti dan akan diambil tindakan sewajarnya.

Exco Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains Teknologi dan Inovasi, Rodziah Ismail (*gambar*) dalam penggulungannya di Dewan Negeri Selangor (DNS) memaklumkan perkara itu sudah

Program MES disabotaj melalui SMS

dilaporkan kepada polis.

Katanya, banyak program MES disabotaj antaranya program 'Jom Shopping' dan Skim Kesejahteraan Rakyat.

Sebelum ini, Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh didatangi orang ramai di Pusat Khidmat beliau kerana terdapat SMS yang dihantar kepada mereka supaya datang mengambil baucher RM1,000 di pejabatnya.

Bagaimanapun katanya, skim itu tidak pernah diumumkan tetapi isu itu dibuat secara berleluasa di akhbar media pembangkang yang menggunakannya sebagai me-

dium perantaraannya.

"Sayabanyak menerima aduan. Isu ini dihebohkan secara berleluasa. Yang sebenarnya media mereka sentiasa memberi fakta-fakta yang salah dan ada unsur-unsur sabotaj supaya rakyat negeri ini akan keliru," katanya.

Rodziah yang juga Adun Batu Tiga berkata, begitu juga dengan program 'Jom Shopping' yang turut menjadi mangsa.

"SMS itu mengatakan sesiaapa sahaja layak untuk menerima bantuan dalam program itu, maka akhirnya menimbulkan kacau-bilau di pasaraya.



"Begitu juga minggu lalu, ramai rakyat beratur seawal jam lapan pagi di Pejabat Penyelaras DUN Paya Jaras, kononnya mendapat SMS bahawa mereka akan

menerima RM800 ringgit sebagai sugu hati,"katanya.

Justeru, beliau mencabar pihak pembangkang supaya berani berlawan di gelanggang secara betul dan telus.

"Jangan ingat rakyat Selangor ini tidak pandai... saya kesian melihat rakyat Selangor yang sentiasa dimainkan dengan fakta yang tidak betul. Kita mahu supaya rakyat ini dapat informasi yang tepat.

"Sepatutnya semua rakyat renung-renungkan siapakah yang wajar dipilih akan datang," katanya.

Projek lantikan terus era BN tinggi

SHAH ALAM - Era pentadbiran BN negeri Selangor mencatatkan kelulusan lantikan terus kontraktor sehingga RM396 juta pada tahun 2007 berbanding pada era pentadbiran Pakatan Rakyat (PR) sebanyak RM60 juta pada tahun 2008.

Perkara ini merujuk Laporan Penuh Kelulusan Lantikan Terus Bagi Tahun 2005-2011 yang dikeluarkan Pejabat Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Menurut laporan yang turut disentuh oleh Abdul Khalid ketika menggulung perbincangan di Dewan Negeri Selangor (DNS) berkenaan memperuntukan sebanyak RM190,734,179 untuk projek lantikan terus pada tahun 2005.

Manakala sebanyak RM-171,869,262 pula diperuntukan pada tahun 2006 dan yang tertinggi pada 2007 yang mencatatkan sejumlah RM396,360,381.

Apabila PR mengambil alih pentadbiran Selangor pada Mac 2008, menyaksikan penyusutan yang amat ketara berbanding sebelumnya.

PR memperuntukan sebanyak RM60,031,002 pada 2008 termasuk yang diluluskan kerajaan BN sebelum 8 Mac tahun yang sama.

Pada 2009, sebanyak RM-24,306,530 diluluskan oleh Kerajaan Negeri PR dan diikuti RM-

Saya tak ada masa nak bahaskan sama ada betul atau tak betul semua ini, saya cuma berikan fakta

-ABDUL KHALID Menteri Besar

27,136,284 bagi tahun 2010.

Manakala bagi 2011 pula, sebanyak RM4,753,175 sahaja peruntukan yang diluluskan bagi projek lantikan terus kepada kontraktor terpilih.

Sebelum ini, Abdul Khalid memberitahu DNS, kerajaan negeri sentiasa berhati-hati dalam memberi projek rundingan terus kepada mana-mana kontraktor di negeri ini.

Menurutnya, peruntukan untuk projek rundingan terus hanya dikeluarkan apabila keadaan memerlukan peruntukan segera seperti ketika berlaku bencana banjir dan sebagainya.

"Saya tak ada masa nak bahaskan sama ada betul atau tak betul semua ini, saya cuma berikan fakta.

"Sebagai contoh, kita perlu bina jambatan bagi orang-orang yang terjejas banjir," ujar beliau.

Tiada lagi kecurian kayu bakau di rekod - Elizabeth

SHAH ALAM - Jabatan Perhutanan Selangor (JPS) mengambil beberapa langkah yang proaktif bagi menangani masalah kecurian kayu bakau setelah lesen pengusahailan kayu bakau ini ditamatkan pada 1 Julai 2010.

JPS merekodkan sehingga 29 Februari 2012 tiada sebarang kecurian kayu bakau dalam kawasan Hutan Simpan Pulau Ketam dengan tertangkapnya seorang warganegara Malaysia yang menjadi ketua sindiket di Pulau Ketam pada tahun 5 Mei 2010.

Sehubungan itu, JPS melaksanakan operasi bersepadu ber-

sama Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM), Pasukan Gerakan Marin PDRM Selangor, dan Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) dengan menambah kekerapan rondaan di 25 hutan simpan paya laut perisiran pantai dan kawasan pulau.

Selain itu, JPS juga melakukan rondaan enam kali melalui udara setahun dan turut menempatkan kakitangan JPS di jeti-jeti bagi memeriksa kayu bakau yang di import dari Indonesia dan negeri-negeri lain.

Exco Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna, dan Alam Sekitar,

Elizabeth Wong berkata, demikian ketika menjawab soalan daripada Adun Hulu Kelang, Saari Sungib berkaitan pengurusan Hutan Paya Laut di Selangor.

Elizabeth turut berkata, selain pemasangan papan tanda di sepanjang hutan simpan, JPS juga melaksanakan kempen kesedaran tanaman bakau dengan kerjasama korporat, NGO dan orang awam.

"Tindakan pemasangan tanda ini adalah sebagai salah satu kaedah untuk memaklumkan kepada masyarakat tentang kewujudan hutan simpan," ujar beliau.



Masalah kecurian kayu bakau yang berleluasa berjaya ditangani JPS secara proaktif



MARRIS laksana projek selenggaraaan RM65 juta

SHAH ALAM - Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim (*gambar*) mengesahkan bahawa peruntukan Geran Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (Marris) berjaya merealisasikan projek-projek penyelenggaraan dan baik pulih di setiap kawasan di seluruh negeri.

Katanya, setakat ini sebanyak RM65,939,561.82 disalurkan untuk pelaksanaan projek Marris yang melibatkan sebanyak 1,065 projek pada

tahun 2011.

"Daripada keseluruhan projek tersebut, sebanyak 926, iaitu 87 peratus projek siap dilaksanakan.

"Manakala bakinya sebanyak 139, iaitu 13 peratus projek adalah projek yang baru diluluskan melalui peruntukan tambahan sebanyak RM1 juta bagi setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)," ujar Abdul Khalid ketika menjawab soalan Adun Balakong, Yap Lum Chin.

Abdul Khalid turut menerangkan kaedah terbaru untuk mengenal pasti projek bagi memberi jaminan hak sama

rata kepada setiap kawasan Dewan Negeri Selangor (DNS).

"Perbincangan mengenai projek tersebut dibuat bersama Adun dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk disenaraikan dan dilaksanakan.

"Kaedah ini dilihat mampu mengelakkan penyelewengan dan salah guna peruntukan, selain memastikan hanya projek yang



mempunyai impak dan praktikal sahaja yang patut diteruskan," jelas Abdul Khalid.

Beliau juga menambah, permohonan yang diperakui perlu dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri Selangor bersama-sama 'Bill of Quantity' yang kemudian

disemak oleh Pegawai Teknikal.

"Di peringkat PBT, prosedur perolehan dibuat secara terbuka di mana projek di

bawah RM20,000 dilaksanakan secara undia, manakala projek bernilai lebih daripada itu sehingga RM500,000 dibuat secara sebut harga.

"Bagi projek melebihi RM500,000 pula dilaksanakan secara tender terbuka.

"Kaedah ini selaras dengan dasar perolehan Kerajaan Negeri iaitu 'value for money'," beritahu Abdul Khalid.

Satu pasukan audit turut ditubuhkan bagi memantau kerja-kerja Marris yang dianggotai Perbendaharaan Negeri Selangor (PNS) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (Upn).

Bantu petani peroleh lebih RM1,500 sebulan

SHAH ALAM - Kerajaan negeri sentiasa komited membela nasib golongan petani di negeri ini dengan inisiatif khusus yang bertujuan untuk meningkatkan pendapatan pesawah melebihi RM1,500 sebulan.

"Bagi musim 1/2010, seramai 857 orang pesawah berjaya meningkatkan pendapatan mereka, di mana seramai 752 pesawah berpendapatan antara RM1,000 hingga RM1,500 dan seramai 105 orang memperolehi pendapatan melebihi RM1,500.

"Untuk musim 1/2011 pula, seramai 146 orang pesawah berjaya memperoleh pendapatan melebihi RM1,500 manakala 533 orang pesawah menerima pendapatan antara RM1,000 hingga RM1,500 sebulan," jelas Dr Yaakob ketika menjawab soalan daripada Adun Sekinchan, Ng Suee Lim berkenaan Projek Perintis Tanaman Padi.

Sehingga kini, kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM10,993,302 bagi program di bawah Rangsangan Ekonomi Negeri Selangor.

"Kerajaan negeri meluluskan peruntukan sebanyak RM3,013,302 pada tahun 2009, RM4,930,000 pada tahun 2010, RM3,050,000 pada ta-



Nasib petani akan terus dapat pembelaan kerajaan negeri

hun 2011 dan RM3,240,000 pada tahun ini.

"Program ini juga menerima sambutan baik daripada para petani dan mereka menunjukkan komitmen serta disiplin yang tinggi dengan berpandukan buku panduan 'Rice Check'," ujar Dr Yaakob yang juga Exco Permodenan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam dan Pembangunan Usahawan.

Selain itu, kerajaan negeri sudah merangka beberapa strategi bagi meningkatkan pengeluaran padi dan pendapatan petani melalui perancangan jangka pendek dan

panjang.

"Untuk perancangan jangka pendek, kita akan wujudkan kembali kerja-kerja menyisir dan merata di peringkat akhir penyediaan tanah sawah, juga menambahkan bahan organik untuk setiap lot sawah, selain mengadakan usaha bersepadu di dalam kerja-kerja pembersihan bagi menghapuskan sarang tikus.

"Bagi perancangan jangka masa panjang pula, kita akan melakukan usaha-usaha menghidupkan semula tanah dengan kaedah Pertanian Ekologi," tambah Dr Yaakob lagi.

Gesa hapus tol Batu Tiga, Sg Rasau

SHAH ALAM - Dewan Negeri Selangor (DNS) mengesahkan Kerajaan Pusat menghapuskan kutipan tol di Lebuhraya Persekutuan II, iaitu di Sungai Rasau dan Batu Tiga.

Usul itu dikemukakan Adun Kampung Tunku, Lau Weng San di bawah Peraturan Tetap 26 (1) dan dipersetujui oleh Speaker, Datuk Teng Chang Khim.

Weng San berkata, hal itu perlu dibuat selaras dengan pemansuhan Tol Cheras-Kajang oleh Kerajaan Pusat.

Katanya, sejak tahun 1995, tol itu merupakan jalan utama bagi penduduk Petaling Jaya, Subang Jaya, Shah Alam dan Klang.

"Sejarah pembangunan jalan itu selepas pemisahan Singapura dari Malaysia dan menjadikan Klang sebagai pelabuhan utama. Jadi pada tahun 1974, lebuhraya itu dibina yang asalnya empat lorong kecuali Petaling Jaya, enam lorong.

"Selepas tahun 1995, Projek Lebuhraya Utara Selatan (Plus) dipilih Kerajaan Pusat untuk menaik taraf dan mengenakan kutipan tol sebanyak RM1.10 bagi kereta di tol Batu Tiga dan RM1.00 bagi Tol Sungai Rasau.

"Jadi jumlah pergi dan balik sebanyak RM4.20 bagi penduduk yang melalui jalan itu setiap hari, lebih-lebih lagi kawasan Lembah Jaya, Klang, Petaling Jaya, Subang Jaya dan Shah Alam akan dikenakan tol yang mahal setiap hari," katanya.

Beliau berkata, selain tol yang mahal setiap hari, penduduk juga terpaksa mengalami masalah kesesakan lalu lintas yang amat teruk.

"Setiap hari, lebuhraya itu menampung lebih 30,000 kenderaan dan kapasiti ini meningkat setiap waktu puncak. Ini akan memeritkan lagi pengguna," katanya.

Usul itu turut dipersetujui Adun Kota Alam Shah, M Manoharan.

M Manoharan berkata, dengan terhapusnya tol berkenaan ia dapat membantu golongan miskin di negeri ini.

23,637 unit rumah mampu milik dibina



Rumah mampu milik memberi peluang kepada golongan berpendapatan sederhana memiliki kediaman sendiri

Oleh LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Golongan berpendapatan rendah dan sederhana di negeri ini berpeluang memiliki rumah mampu milik sendiri dengan adanya pelbagai pilihan yang disediakan kerajaan negeri.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggalan, Iskandar Samad berkatan Kerajaan Pakatan Rakyat (PR) sentiasa prihatin dengan keperluan rakyat dengan penyediaan rumah mampu milik mengikut beberapa kategori.

“Secara keseluruhannya, setakat ini sebanyak 23,637 unit rumah mampu milik dibina oleh PNSB (Permodalan Negeri Selangor Berhad) dan PKNS (Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor) bagi tempoh April 2008 sehingga kini,” ujar Iskandar ketika menjawab soalan Adun Permatang, Sulaiman Abdul Razak.

Kerajaan negeri merangka 5,612 projek Rumah Kos Rendah seluruh Selangor dengan 287 unit sudah siap

HARGA RUMAH DI SELANGOR	
PERKARA	HARGA RUMAH
● Rumah Kos Rendah	RM35,000 - RM42,00
● Rumah Kos Sederhana Rendah	kurang daripada RM72,000
● Rumah Kos Sederhana	berharga di bawah RM100,000

dan sedia untuk diduduki, manakala 826 lagi masih dalam pembinaan selain 4,499 masih belum di bina.

Bagi Rumah Kos Sederhana Rendah pula, terdapat 2,532 projek yang sudah dirangka dengan 16 unit siap dibina dan 2,516 lagi masih belum dibina.

Sementara itu, bagi Rumah Kos Sederhana, sebanyak 5,510 siap dibina manakala 9,983 lagi masih belum dibina menjadikan jumlah keseluruhan unit Rumah Kos Sederhana adalah sebanyak 15,493 unit.

Daripada jumlah keseluruhan 23,637 unit, terdapat 1, 422 unit ru-

mah di Bukit Botak merupakan projek rumah berkembar satu yang merupakan projek terbengkalai yang kini diusahakan PKNS.

Untuk jangka masa 2011 hingga 2021, PKNS merancang untuk membina lebih daripada 11,000 unit Rumah Mampu Milik yang mana 16 tapak yang terletak di Seksyen 3 Bangi telahpun dimulakan pembinaannya.

Kerajaan negeri juga mensasarkan beberapa projek Rumah Mampu Milik yang dijangka akan dilancar, iaitu di Kampung Seri Temenggong (Gombak), Seksyen 12 (Shah Alam), Kota Puteri dan Antara Gapi.

70,000 peluang kerja sepanjang 2009-2011

SHAH ALAM - Dibawah Pakatan Rakyat (Pakatan) Selangor berjaya meningkatkan peluang pekerjaan sepanjang tiga tahun dari 2009 - 2011 iaitu sebanyak 70,000 ribu peluang pekerjaan.

Sementara itu, Selangor State Investment Centre (SSIC) yang terlibat dalam sektor perindustrian di negeri ini yang mencatatkan jumlah pelaburan sebanyak RM8.74 bilion pada tahun 2011 turut merekodkan pertambahan jumlah pekerjaan yang diperlukan setiap tahun.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, kerajaan negeri sentiasa mengambil berat tentang masalah berkaitan pekerjaan seperti gaji yang rendah dan lambakan pekerja asing yang bekerja di kilang-kilang.

Selain itu, kerajaan negeri menghadapi masalah berkaitan dengan kekurangan pekerja tempatan untuk menerima tawaran bekerja berikutan gaji rendah dan lambakan pekerja asing yang bekerja di Selangor.

Sehubungan itu, universiti-universiti tempatan disaran memainkan peranan dalam menyediakan pekerja-pekerja yang berkualiti supaya hasil pengeluaran di negeri ini meningkat setiap tahun.

“Universiti-universiti tempatan digesa untuk menyediakan latihan kemahiran kepada pelajar-pelajar supaya menjadikan mereka pekerja yang berkemahiran yang dapat berkhidmat di pelbagai sektor di Selangor,” ujar Abdul Khalid ketika menjawab soalan Adun Bukit Antarabangsa, Azmin Ali tentang peranan universiti tempatan terhadap peluang pekerjaan di Selangor.

Abdul Khalid turut memberitahu, kerajaan negeri juga dalam usaha menyediakan pekerja-pekerja yang berkemahiran sejajar dengan usaha kerajaan negeri dalam melaksanakan penyalarsan gaji minima RM1500.

“Mereka seharusnya diberi latihan kemahiran supaya dapat meningkatkan produktiviti dan layak diberi gaji minima,” ujar beliau.

Pertingkatkan kemudahan masjid

SHAH ALAM - Kerajaan negeri kini merangka program secara besar-besaran khusus untuk menjalankan kerja-kerja pembaikpulihan dan menaik taraf fasiliti-fasiliti masjid dalam usaha menyemarakkannya, ujar Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

“Kita akan jalankan program membersihkan tempat mandi, bilik air, tempat ambil air sembahyang dan sebagainya supaya dapat memberikan satu ‘standard’ kepada masjid-masjid kita.

“Jika ini berjaya dicapai, saya percaya ia akan memberikan rasa selesa kepada musafir yang singgah dan secara tidak langsung ia akan memberikan juga keselesaan kepada me-

reka mengerjakan ibadah,” ujar beliau ketika menjawab soalan daripada Adun Lembah Jaya, Khasim Abdul Aziz.

Menurut Abdul Khalid lagi, program ini juga mensasarkan golongan belia untuk turut serta supaya dapat memberikan nilai ukhawah dan bermasyarakat dalam diri para remaja.

“Usaha memartabatkan Islam sememangnya kita pupuk dari peringkat sekolah sehingga ke program-program yang dijalankan di masjid-masjid.

“Kita tidak hanya tertumpu pada penyampaian ceramah semata-mata tetapi menyeluruh ke pelbagai program dan aktiviti yang lebih efektif,” jelasnya lagi.



UKHUWAH... masjid bukan sekadar tempat ibadat semata-mata

70,000 kunjungi Karnival 'Terima Kasih Rakyat'



KUALA SELANGOR - Sambutan menggalakkan daripada lebih 70,000 pengunjung ke Karnival 'Terima Kasih Rakyat', sempena empat tahun Pakatan Rakyat (PR) baru-baru ini merupakan satu petanda baik bagi kerajaan negeri.

Karnival yang berlangsung di Stadium Kuala Selangor itu bertujuan melahirkan penghargaan atas kepercayaan yang ditunjukkan rakyat Selangor terhadap pentadbiran PR selama empat tahun.

Pelbagai hadiah ditawarkan di Karnival Terima Kasih Rakyat tersebut, antaranya motosikal, Ipad, Samsung Galaxy S2, hamper dan kupon.

Bagi pengunjung wanita, turut disediakan sesi pertunjukan memasak, kaunseling bersama Ustazah Siti Nur Bahyah Mahamood dan pertandingan gubahan bunga.

Selain itu terdapat juga program senamrobik, pertandingan futsal dan sukan tradisional,



Persembahan artis-artis popular seperti OAG, Sixth Sense, Fifty Emelia, Blank Gamma, Komuniti Jazz Shah Alam dan penampilan istimewa Buddhi He-kayat sebagai pemenang Anugerah Juara Lagu bagi lirik Lagu Awan Nano turut mewarnai karnival yang berlangsung.

pertunjukan auto drift, sesi bersama Alternative Riders Club (ARC), pertunjukan tarian singa dan klinik bola sepak bersama pemain-pemain profesional Selangor.

Pertandingan mewarna 'haiwan jinak' dan acara 'menunggang kuda padi' bagi kanak-kanak turut disediakan.

Karnival berakhir dengan program Rapat Rakyat bersama pimpinan PR yang terdiri daripada Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, Penasihat Ekonomi Selangor Datuk Seri Anwar Ibrahim, Penasihat DAP Lim Kit Siang, Presiden PAS Datuk Seri

Abdul Hadi Awang dan Pengerusi Bersih 2.0 Datuk Ambiga Sreenevasan.

KARNIVAL TERIMA KASIH RAKYAT



MAJU... Menteri Besar bersama pimpinan Pakatan Rakyat akan teruskan tingkatkan ekonomi Selangor

Selangor Kini

SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Faekah Husin
Arfa'eza Abdul Aziz

KETUA PENGARANG: Sheridan Mahavera Mohd Shakir

PENGARANG BERITA: Najib Hashim

PENOLONG PENGARANG BERITA: Mohd Ezli Mashut

PEMBANTU PENGARANG: Rusidah Salim

WARTAWAN: Afix Redzuan: afixredzuan@gmail.com

Afeeqa Afeera: afeeqa_afeera@yahoo.com

Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com

Norhayati Umr: chayunykatt@gmail.com

JURU GAMBAR: Raheemie Arifin

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran

Akuatik 13/43, Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856

Emel: newselangorkini@gmail.com



PR tidak hampakan pilihan rakyat

Oleh NORHAYATI UMOR

KUALA SELANGOR - Kerajaan Pakatan Rakyat (PR) Selangor tidak akan menisai-pilih rakyat yang memberi amanah untuk mentadbir negeri ini dalam pilihan raya yang lalu.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata demikian ketika berucap dalam ceramah sempena sambutan 'Karnival Terima Kasih Rakyat' sempena empat tahun mentadbir negeri ini.

Katanya, melalui ketelusan dan kebolehan yang ditunjukkan, negeri Selangor akan terus mantap walaupun tidak mendapat sokongan daripada Kerajaan Pusat.

Dalam ucapan itu juga, Menteri Besar menjelaskan tentang peranan besar yang dimainkan Penasihat Ekonomi Selangor, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Mereka sering mempersoalkan peranan Penasihat Ekonomi Selangor. Jika tidak ada penasihat seperti Datuk Seri Anwar Ibrahim, negeri ini tidak akan berkembang maju.

"Orang yang tidak faham tentang penasihat ekonomi tidak payah bercakap banyak. Jangan bangkitkan lagi, rakyat mahukan kebolehan kita, bukan mencerca orang lain. Kita bekerja sebab rakyat yang minta," katanya.

Amalan pentadbiran yang bersih dan



Anwar dan Haji Hadi Awang hadir memeriahkan majlis

cepat oleh PR, ujar Abdul Khalid menjadikan Selangor jauh lebih baik sebelumnya. Hasil itu juga katanya, hampir RM600 juta hasil pendapatan negeri diagihkan kepada rakyat.

"Rizab kewangan negeri Selangor 2005 (zaman BN) adalah sekitar RM800 juta, tapi selepas empat tahun Pakatan Rakyat perintah, rizab kita sekarang RM1.9 bilion.

"Rakyat tidak disia-siakan. Selangorku dan Merakutkan Ekonomi tak akan meninggalkan sesiapa.

"Selangor kaya, kekayaan inilah kita akan salurkan kepada rakyat," katanya sambil menyeru rakyat Kuala Selangor untuk sekali lagi bersama PR untuk meningkatkan lagi ekonomi rakyat negeri ini.

Sementara itu, Anwar dalam ucapannya mengajak jentera PR melancarkan perang terhadap Umo-BN, menjelang pilihan raya akan datang. Beliau berkata, sudah tiba masanya untuk PR melawan dan menakluki Putrajaya demi menjaga kepentingan rakyat tanpa mengira bangsa serta agama.

"Hari ini, kita datang untuk ceritakan rekod kerja dan kejayaan kita selama empat tahun mentadbir Selangor, Najib pula (Datuk Seri Najib Tun Razak) pula datang untuk rampas negeri ini.

"Apa cerita? Negara kamu jaga pun banyak rasuah dan ambil projek," katanya.



Menteri Besar disambut meriah oleh orang ramai

MENCORAK MASYARAKAT

unisel
UNIVERSITI SELANGOR



Permohonan dalam talian : apply.unisel.edu.my

PROGRAM PENGAJIAN DIPLOMA

- Kejuruteraan Mekanikal [KPT/JPS/(R/521/4/0019)/01/16]
- Kejuruteraan Mekanik [KPT/JPS/(R/521/4/0020)/01/16]
- Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik [KPT/JPS/(R/523/4/0061)/01/16]
- Pengurusan Perniagaan [KPT/JPS/(KR11334)/06/15]
- Pengurusan Pentadbiran [KPT/JPS/(R/345/4/0116)/10/16]
- Perakaunan [KPT/JPS/(KR11335)/01/15]
- Pengurusan Industri Sukan [KPT/JPS/(KA7646)/05/12]
- Teknologi Maklumat [KPT/JPS/(KR11336)/06/15]
- Pengkomputeran Industri [KPT/JPS/(R/481/4/0043)/05/16]
- Industri Multimedia [KPT/JPS/(R/213/4/0012)/05/16]
- Teknologi Mudahalih [KPT/JPS/(R/310/4/0002)/05/16]
- Aplikasi Komputer dalam Perniagaan [KPT/JPS/(R/482/4/0010)/05/16]
- Pendidikan (Pengajian Pra Sekolah) [KPT/JPS/(R/143/4/0001)/07/16]
- Pendidikan (Pengajian Islam) [KPT/JPS/(KA7855)/09/12]
- Sains Perpustakaan [KPT/JPS/(R/322/4/0003)/10/16]
- Industri Bioteknologi [KPT/JPS/(KR9127)/09/13]
- Akuakultur [KPT/JPS/(KA7848)/01/14]
- Teknologi Industri [KPT/JPS/(KA8894)/06/13]
- Pengimejan Perubatan [KPT/JPS/(R/725/4/0012)/07/16]
- Kesihatan Persekitaran [KPT/JPS/(R/862/4/0006)/07/16]
- Teknologi Makmal Perubatan [KPT/JPS/(R/725/4/0011)/07/16]
- Kejururawatan [KPT/JPS/(KA7153)/11/15]
- Fisioterapi [KPT/JPS/(R/726/4/007)/07/16]
- Seni Reka Grafik Digital [KPT/JPS/(R/213/6/007)/05/16]
- Teknologi Fotografi [KPT/JPS/(KA7717)/05/12]
- Komunikasi dan Media [KPT/JPS/(R/321/14/0030)/12/16]

PROGRAM PENGAJIAN SARJANA MUDA

- Kejuruteraan Mekanikal [KPT/JPS/(KR8481)/09/12]
- Kejuruteraan Elektrik [KPT/JPS/(KR8482)/09/12]
- Perakaunan [KPT/JPS/(KR10548)/07/14]
- Kewangan [KPT/JPS/(KR10584)/07/14]
- Pemasaran [KPT/JPS/(KR10585)/06/14]
- Pengurusan Perniagaan [KPT/JPS/(KR11678)/10/15]
- Pengurusan Industri [KPT/JPS/(R/345/6/0115)/10/16]
- Pengurusan Sumber Manusia [KPT/JPS/(KA7911)/10/12]
- Teknologi Maklumat [KPT/JPS/(R/482/6/0009)/08/16]
- Sains Komputer [KPT/JPS/(KR11778)/12/15]
- Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) [KPT/JPS/(KR11779)/10/15]
- Psikologi Industri [KPT/JPS/(KA7806)/01/13]
- Pendidikan (Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua) [KPT/JPS/(R/145/0013)/08/16]
- Sains Perpustakaan [KPT/JPS/(N/322/6/0002)/07/16]
- Pendidikan Awal Kanak-Kanak [KPT/JPS/(N/143/6/0022)/11/16]
- Sains Matematik dengan Statistik [KPT/JPS/(R/481/6/0001)/11/16]
- Teknologi Maklumat (Pengurusan Pengetahuan) [KPT/JPS/(KA7874)/09/12]
- Industri Bioteknologi [KPT/JPS/(KR9126)/06/13]
- Bioinformatik [KPT/JPS/(KR10587)/06/14]
- Sains Persekitaran (Kepelbagaian Biologi dan Pemuliharaan) [KPT/JPS/(KA9847)/12/14]
- Seni Reka Grafik Digital [KPT/JPS/(R/213/6/0007)/08/16]
- Kewartawanan [KPT/JPS/(KA8960)/06/13]
- Komunikasi Korporat [KPT/JPS/(KA8961)/09/13]

FAEDAH YANG AKAN ANDA PEROLEHI SEBAGAI PELAJAR UNISEL

- Bantuan kewangan dan biasiswa kepada yang layak (PTPN/MARA/SUK/Yayasan Negeri/Karangkrak)*
- Pengecualian yuran sehingga RM3,000 (Semester 1) kepada pelajar yang memilih mengikuti program Diploma Akuakultur / Teknologi Industri *
- Universiti yang mempunyai kemudahan yang lengkap
- Kediaman / asrama dengan kelengkapan (semi-furnished)
- Latih dan penempatan kerja untuk graduan
- Kemudahan sukan dan rekreasi yang pelbagai (memanah, aktiviti kayak, paintball, tenis)

*Tertakluk kepada terma dan syarat



Imbas kod bar ini untuk berhubung dengan kami.

Maklumat lanjut, hubungi:

+603-5522 3435/3436/3535/3575

admission@unisel.edu.my

Borang Permohonan (Pengambilan April 2012)

Nama :

Alamat :

No. K/P : No. Tel : E-mel :

Program dipohon :

(Sila sertakan salinan sijil akademik yang berkaitan)

Hantarkan ke : Pejabat Pemasaran dan Kemasukan Universiti Selangor [KPT/JPS/DE/US/B06] | [KPT/JPS/DE/US/B18]
Jalan Zirkon A 7/A, Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor | Fax : 03-5522 3541 / 03-5510 9277



BERSEMANGAT... Adun Chempaka, Iskandar Samad, bersalaman dengan para pemain yang menyertai Pertandingan Bola Sepak 9 - Sebelah Piala YB Iskandar di Padang Jalan 4, Pandan Jaya

DIHARGAI... Adun Taman Medan, Haniza Talha berkunjung ke Pusat Jagaan Kesayangan untuk 'Bersarapan Bersama Anak Yatim' selain turut memberi sumbangan beg sekolah kepada mereka



Ketua AMK Malaysia, Shamsul Iskandar Mohd Akin, bersama masyarakat Lembah Jaya Ampang, mengadakan program gotong-royong bagi membantu mangsa banjir



Adun Lembah Jaya, Khasim Aziz, menyampaikan sumbangan, kepada seramai 263 orang mangsa banjir di Lembah Jaya Utara, di Surau Ihsaniah. Sumbangan turut diterima daripada Pusat Zakat Selangor, Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat



TERIMA KASIH... sempena Sambutan empat Tahun Pakatan Rakyat, Pusat Khidmat Masyarakat DUN Hulu Kelang menganjurkan Karnival Sukan Rakyat yang diadakan di Rumah Pangsa Taman Keramat. Kelihatan Saari Sungib, menyampaikan uniform baru kepada pasukan kompong Rumah Pangsa Taman Keramat



WARISAN TRADISIONAL... Adun Bangi, Shafie Abu Bakar sedang mengkaji dan mencari identiti rumah Selangor serta keistimewaannya sebagai warisan yang harus dipelihara

PRIHATIN... Ahli Parlimen Selangor, William Leong bertemu penduduk dalam program turun padang bagi bertanyakan 'kekeliruan' tanah yang mereka hadapi di Batu Arang



BAGUS... Imam Muda Mohd Hassan Adli Yahaya bersama peserta program 'Kata Sokong GeMS' yang berlangsung di Surau Muhajirin, Taman Selasih 2, Gombak



TUNJUK BAKAT... sempena program Karnival Pemuda Masjid, Adun Meru, Dr Rani Osman, melawat pelbagai pameran yang diadakan di Masjid As Syariff Meru. Program tersebut turut disertai Jabatan Bomba, Polis, Maritim dan Lembaga Zakat Selangor

Program Santai Anak Muda anjuran AMK Tanjong Karang bersama JKKK Kampung Yu, Yahya Sahri sebagai Pegawai Penyelaras DUN Permatang memberikan motivasi rangsangan kepada anak-anak muda yang mengikuti program yang dianjurkan



Urus jenazah percuma ringankan beban waris

Oleh NAZLI IBRAHIM

KOS menguruskan jenazah yang semakin tinggi mendorong PAS Petaling Jaya Selatan (PJS) mengambil inisiatif meringankan beban waris si mati dengan memberikan khidmat menguruskan jenazah secara percuma.

Perkhidmatan yang disediakan meliputi semua urusan sehinggalah jenazah dikebumikan.

Menurut Pengerusi Lajnah Kebajikan PAS PJS, Shamsudin Mahayuddin, pihaknya membelanjakan hampir RM15 ribu setiap bulan untuk menampung permintaan masyarakat Islam di kawasan sekitar.

“Ada kala mencecah sehingga lebih 20 jenazah yang diuruskan sebulan, maklumlah kawasan Taman Medan ini sendiri memang padat dengan penduduk, apatah lagi seluruh PJS ini,” beritahu beliau ketika ditemui baru-baru ini.

Sementara itu, menurut Yang Dipertua PAS PJS, Ghazali Shaari (*gambar*) pula berkata, tugas menguruskan jenazah ini bukanlah untuk meraih sokongan politik tetapi menjadi sebahagian daripada amal kebajikan parti Islam itu.

“Sebab nak uruskan jenazah sekarang bukanlah setakat dua, tiga ratus ringgit dah cukup, tetapi mencecah ribu.

“Soal mati pula bukanlah da-



AMAL JARIAH... Perkhidmatan van jenazah turut disediakan



pat tahu awal-awal supaya bolehlah sediakan duit siap-siap.

“Jadi, macam mana kalau ketika berlaku kematian, si waris ketika itu tidak mempunyai wang?”

“Dengan adanya perkhidmatan urus jenazah percuma ini,

waris tak perlu nak fikirkan kos upah gali kubur, van jenazah, mandikan, kain kafan dan sebagainya tetapi kami dah sediakan sukarelawan dari A sampailah ke Z,” kata beliau.

Menurut Ghazali lagi, perkhidmatan yang disediakan ini terbuka kepada semua masyarakat Islam PJS tanpa mengira bangsa dan ideologi politik.

KHIDMAT MENGURUSKAN JENAZAH PERCUMA PAS PJS

- 24 jam
- Talian 03-7785 7279/7285.
- 15 jenazah sebulan
- Kos: RM15 ribu sebulan

HWR, DAM bantu belia jauhi gejala sosial

BERTUJUAN membendung penglibatan belia dan pelajar daripada aktiviti tidak sihat, Pusat Khidmat Masyarakat DUN Taman Medan berusaha menyediakan pelbagai kemudahan bagi membolehkan golongan itu menjalankan aktiviti yang lebih berfaedah.

Menurut Pegawai Khas Adun Taman Medan, Raja Fairuz Raja Mazlin (*gambar*) ketika ditemui baru-baru ini, antara kemudahan yang disediakan ialah ‘Home Work Room’ (HWR) dan Dataran Anak Muda (DAM).

“Alhamdulillah dengan usaha dan ilham YB Haniza, kita dapat laksanakan program HWR, iaitu tempat pelajar sekolah boleh berkumpul di luar waktu persekolahan untuk buat kerja



Gelanggang futsal antara yang terdapat di Dataran Anak Muda

sekolah bersama rakan-rakan mereka.

“Selain itu ada juga di antara mereka yang buat ‘study group’ mereka di sana,” katanya kepada Selangor Kini.

Kemudahan yang ditempatkan di Jalan PJS 2C/8 itu turut menyediakan kemudahan kom-

puter dan Internet bagi membolehkan pengunjung terbabit mendalami pengetahuan teknologi maklumat (IT) di situ.

Raja Fairuz juga memberitahu kemudahan yang disediakan itu mendapat sambutan baik golongan belia di kawasan tersebut dan dipantau petugas.

Tol NPE punca Kg Medan sesak

TERLETAK kurang 1KM dari Kampung Medan, didakwa penduduk antara punya jalan-jalan di sekitar taman perumahan ini sesak teruk pada waktu puncak dan mengganggu ketenteraman penduduk.

Oleh itu, penduduk setempat mendesak agar Tol di lebuh raya New Pantai Express (NPE) di Petaling Jaya Selatan (PJS) dihapuskan.

Menurut Setiausaha PAS kawasan PJS, Ariffin Mahaiyuddin, kewujudkan tol ini menyebabkan jalan-jalan di taman terbabit menjadi laluan kereta yang mengelak untuk membayar tol.

“Ini bukanlah jalan utama, cuma jalan taman sahaja, tetapi kenderaan cukup sesak.

“Kerap jugalah berlaku kemalangan di sini kerana terlalu banyak kenderaan,” katanya.

Mahaiyuddin turut memberitahu keadaan tersebut juga mengganggu urusan seharian penduduk-penduduk di Kam-

Jalan yang kena tol tu bukannya syarikat konsesi bina lebuh raya baru tetapi cuma jalan sedia ada iaitu Jalan Klang Lama yang dilebarkan, lepas itu dipacakkan tol, itu sahaja

ARIFFIN MAHAIYUDDIN
Setiausaha PAS kawasan PJS

PUSAT KHIDMAT DUN TAMAN MEDAN
No. 25 Jalan Pjs 1/32, Taman Medan Pejasa, 46150, PJ
Tel :03-7781 2151
Fax :03-7781 8704
Fauziah 012-603 3949
Yuslan 017-278 8722

pung Medan dan kawasan sekitarnya.

“Tol di situ memang masalah bagi kami, contohnya kalau nak ke kampung atau taman-taman perumahan berhampiran, nak hantar anak-anak sekolah kenalah melencong jauh,” katanya lagi.

Selain itu Mahaiyuddin memberitahu langkah kerajaan mengenakan tol dianggap sebagai langkah yang tidak wajar memandangkan jalan tersebut merupakan jalan yang sedia ada di kawasan terbabit.

“Jalan yang kena tol itu bukannya syarikat konsesi bina lebuh raya baru tetapi cuma jalan sedia ada, iaitu Jalan Klang Lama yang dilebarkan, lepas itu dipacakkan tol, itu sahaja.

“Lagi pun, keadaan sebelum dan selepas tol itu wujud sama sahaja, jalan Klang Lama tetap sesak, malah dahulu jalan kampung ini tak sesak sekarang dah jadi sesak pula.

“Memang tak ada apa-apa keistimewaan pun apabila kerajaan naik taraf dan bina tol, makin teruk adalah,” katanya.

gelanggang futsal, gelanggang serbaguna, gelanggang sukan ekstrem dan pentas mini.

Remaja yang ditemui memberitahu, dengan adanya DAM, mereka dapat menghabiskan masa lapang mereka dengan beriadah dengan menggunakan gelanggang yang disediakan.

Menurut Asnan Fawaz Azman, 16, pada waktu petang begini beliau bermain futsal dan tidak melepak tidak tentu arah lagi.

“Dahulu memang jarang main futsal sebab terpaksa sewa arena yang boleh tahan juga mahalnya.

“Macam kami pelajar sekolah, manalah ada duit sangat nak sewa gelanggang, jadi duit pun boleh jimat,” beritahu beliau.



Haniza kebanggaan wanita Taman Medan

PETALING JAYA - Sejak diberi kepercayaan sebagai wanita pertama dilantik sebagai Timbalan Speaker Dewan Negeri Selangor (DNS), Haniza Talha menjadi kebanggaan wanita di Taman Medan.

Beberapa penduduk wanita di Taman Medan ketika ditemui menganggap ia sebagai pengukur keupayaan wanita hari ini, yang mampu menandingi keupayaan ahli politik di kalangan kaum lelaki.

Menurut kakitangan swasta, Zalikha Samsuri, 26, kejayaan Haniza itu membuat kami rasa bangga, lebih-lebih lagi bagi wanita Taman Medan.



“Dalam hal ini, rakan-rakan wanita saya yang tak minat politik atau penyokong BN pun sama rasa bangga juga,” katanya.

Zalikha turut menolak andaian pemilihan Haniza sebagai Timbalan Speaker DNS dibuat berdasarkan keputusan politik dan bukan kelayakan dan kebolehan.

“Sejak 2008, dah empat tahun beliau (Haniza) menjawat jawatan Timbalan Speaker, beliau dah pun buktikan kemampuannya yang setanding dengan mana-mana Speaker lelaki.

“Malah dalam beberapa aspek, beliau mampu menangani kerenah-kerenah ahli yang berhormat ketika berbahas dalam dewan dengan tidak dipengaruhi ideologi politik beliau,” katanya lagi.

Pembantu Kredit syarikat swasta, Jamiah Hakim, 50, pula menganggap perlantikan Haniza sebagai Timbalan Speaker DNS bukan sahaja menjadi kebanggaan wanita, malah turut membuka mata pemimpin negara dan masyarakat untuk memberi kepercayaan kepada golongan itu.

“Saya selalu tengok di televisyen atau Internet, nak kawal ahli dewan bukannya senang, tapi bila seorang perempuan mampu lakukan tugas (Timbalan) Speaker, tentulah kita wanita rasa bangga.

“Secara tak langsung buka mata masyarakat dan pemimpin tinggi untuk beri kepercayaan kepada wanita ke jawatan yang selalunya dimonopoli oleh lelaki,” katanya.

Skim PRIMA hanya melepas batuk ditangga

Oleh NAZLI IBRAHIM

PROJEK Perumahan Rakyat 1 Malaysia (PRIMA) di Putrajaya tidak mampu memenuhi permintaan golongan berpendapatan seisi rumah di bawah RM6,000 kerana jumlah unit kediaman yang dibina bagaikan melepaskan batuk di tangga.

Sebaliknya menurut Ketua PKR Cabang Putrajaya, Onn Abu Bakar, Kerajaan Pusat disarankan agar mengambil inisiatif lain untuk memenuhi permintaan yang rata-rata penjawat awam di pusat pentadbiran negara itu.

“Kerajaan Pusat perlu mengambil inisiatif lain, cari tanah yang sesuai untuk dibangunkan lebih banyak lagi rumah mampu milik ini.

“Malah kalau betul-betul serius untuk membantu rakyat memiliki rumah sendiri, mereka boleh menjual kuarters kerajaan yang sedia ada kepada kakitangan awam yang menghuni kediaman terbabit,” kata beliau.



PUSAT KHIDMAT PARLIMEN PUTRAJAYA
No.41-1, Jalan Dwi Tasik,
Bandar Sri Permaisuri, Bandar
TunRazak, 56000 Kuala Lumpur
TEL : +603 9172 4200/1200
pkr.putrajaya@gmail.com
pkrputrajaya.blogspot.com

Langkah Kerajaan Pusat yang membina hanya 560 unit rumah mampu milik di Putrajaya turut dianggap tidak realistik kerana nisbah kuantiti yang jauh lebih rendah berbanding populasi penduduk Putrajaya.

Bagaimana skim PRIMA nak tampung keperluan penduduk kalau unit yang dibina cuma 560 unit sahaja, sedangkan dianggarkan populasi Putrajaya lebih kurang 70 ribu yang kebanyakannya adalah kakitangan awam.

“Kalau ada idea yang baik sekalipun, ia tak akan beri apa-apa makna kalau perlaksanaannya tidak realistik seperti dalam program ini.

“Adakah program ini dilaksanakan sebagai syarat semata-mata untuk mempromosikan jenama 1 Malaysia PM sahaja,” kata beliau kepada Selangor Kini.

Onn turut memberitahu harga hartanah yang tinggi di kawasan Putrajaya menyukarkan penduduk di sini untuk memiliki kediaman sendiri yang lebih selesa.

“Memang saya tak menafikan ada pilihan lain, iaitu dengan membeli rumah dengan pemaju swasta, tetapi harga hartanah di Putrajaya memang diketahui tinggi.

“Sekurang-kurangnya nak beli kos sederhana di sini pun dah cecah RM300,000 yang dah tentu bukan semua orang mampu,” menurut beliau lagi.

Sementara itu, Onn turut mempertikai tindakan Kerajaan Pusat yang mengenakan syarat hanya pengundi berdaftar di Putrajaya sahaja dibenarkan memohon rumah mampu milik terbabit.

Katanya, syarat tersebut meninggalkan persepsi bahawa Kerajaan Pusat tidak ikhlas membantu rakyat, sebaliknya hanya mahu meraih sokongan pengundi dalam pilihan raya sahaja.



Adun Chempaka, Iskandar Samad bersama penganjur dan peserta Piala YB skandar

Aktiviti sukan satukan masyarakat

AKTIVITI sukan dalam satu-satu komuniti mampu menyatukan masyarakat disamping dapat mengenal pasti pemain-pemain pelapis seperti bola sepak, kata Adun Chempaka, Iskandar Samad.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan kejohanan bola sepak sembilan sebelah Piala YB Iskandar Samad yang disertai 16 buah pasukan yang diadakan di Padang Jalan 4, Pandan Jaya.

“Beriadlah seperti sukan bola sepak bukan sahaja baik untuk kesihatan, malah ia mampu menyatukan masyarakat berbilang kaum di negara ini, khususnya bagi

masyarakat Taman Chempaka.

“Selain itu dengan adanya pertandingan seperti ini, ia turut dapat membantu pembangunan sukan nombor satu negara ini dalam melahirkan pemain pelapis di peringkat remaja lagi,” ujar Iskandar.

Selain itu Iskandar turut melahirkan harapan agar kejohanan seperti ini dapat diadakan lagi pada masa akan datang.

Pertandingan yang dianjurkan oleh kelab bola sepak, One FC dan Jawatan Kuasa Penduduk Zon 16 ini turut mendapat kerjasama dan sokongan Majlis Per-

bandaran Ampang Jaya (MPAJ), Department of Arts, Culture and Sports (DACS) dan Pejabat Adun Taman Chempaka.

Juara kejohanan, pasukan TMJ 3 mengondol hadiah wang tunai RM500 serta piala dan pingat kejuaraan setelah menewaskan Wira Ampang dengan jaringan 2-0.

Wira Ampang terpaksa berpuas hati setelah membawa pulang hadiah wang tunai RM300 serta pingat naib juara dan diikuti pasukan ATY 23 di tempat ketiga.

Kejohanan terbabit turut menyediakan sijil penyertaan kepada pasukan-pasukan yang menyertai pertandingan ini.

PUSAT KHIDMAT DUN CEMPAKA
03-1a Jalan Hilir 1,
Taman Sri Angsana
Hilir, Kampung Pandan,
55100 Kuala Lumpur
Tel :03-9283 3835
Fax :03-9283 8835
Rodzi Bin Man 012 364 5634
Musalmah 019 601 5960

Oleh HAFIZAN TAIB

SEMENYIH - Sejak berubah wajah, Dewan Orang Ramai Semenyih di sini mula menjadi tumpuan penduduk setempat mengadakan pelbagai majlis dan aktiviti masyarakat.

Seorang penduduk, V Subramaniam, 56, berkata, sebelum ini keadaan dewan itu agak mengecewakan apabila terdapat beberapa bahagian di bangunannya pecah dan terbiar.

"Kawasan di dewan ini juga dipenuhi semak-samun dan menyebabkan ia kurang dikunjungi serta digunakan untuk sebarang aktiviti.

"Bagaimanapun sekarang ini keadaan sudah banyak berubah dengan bangunan sudah dicat baru dan bahagian dalam juga dipasang dengan lampu yang lengkap manakala kawasan luar sudah bersih," katanya.

Mengulas perkara itu, Ketua Biro Publisiti DUN Semenyih, Wan Zahari Majid berkata, menyedari kepentingan dewan tersebut kepada masyarakat tempatan, pihaknya dengan kerjasama Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) mengambil inisiatif membaik pulih dewan itu supaya boleh digunakan de-

Dewan Orang Ramai Semenyih berubah wajah

PUSAT KHIDMAT ADUN KAJANG
Tingkat 1, No. 39 Jalan Mendaling, 43000 Kajang,
Tel :03-8737 6979
Fax :03-8737 6979
Ong Seng Peng 012-213 4858
Rada Krishnan 016-323 1217

ngan sempurna.

Menurutnya, proses membaik pulih itu bermula sejak tiga atau empat tahun lalu apabila Pakatan Rakyat (PR) mengambil-alih tampuk pemerintahan negeri Selangor.

"Sekarang bangunan ini sudah dicat baru dengan pendawaian elektrik yang baik. Perubahan terhadap dewan ini kini mendapat perhatian penduduk yang mula kembali menggunakan dewan ini untuk mengadakan aktiviti seperti acara sukan dan majlis keraian seperti perkahwinan dan sebagainya," katanya.



Wan Zahari melihat keadaan dalam dewan yang sudah dicat baru dengan lampu yang lengkap

Wan Zahari berkata, pihaknya akan terus berusaha supaya dewan ini dibaik pulih supaya ia terus dapat digunakan dan berfungsi dengan baik oleh

orang ramai, khususnya penduduk tempatan.

"Sungguhpun begitu, perubahan yang berlaku ketika ini adalah petanda positif ke-

rana Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat begitu mengambil berat akan keperluan masyarakat yang sebelum ini diabaikan," katanya.

Taman rekreasi ceriakan Kampung Baru Sungai Chua

LEBIH 10 tahun terabai akhirnya Kampung Baru Sungai Chua kelihatan lebih ceria apabila taman rekreasi baru siap dibina dengan kemudahan peralatan permainan dan prasarana yang baru.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKKK) Kampung Baru Sungai Chua, Yong Swan Khong berkata, perubahan ke atas taman rekreasi itu mengembirakan penduduk kerana hanya itulah satu-satunya taman rekreasi yang ada di kampung itu.

Menurutnya, tindakan kerajaan negeri dan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) membaik-pulih dan menyediakan pelbagai kemudahan dengan beberapa peralatan baru, merubah wajah taman rekreasi itu.

"Langkah diambil itu amat tepat sekali dan ini menunjukkan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) menentengkan kebajikan penduduk di negeri Selangor.

"Ini disebabkan taman rekreasi ini sudah terbiar lama lebih 10



BERSIH... Yong Swan Khong dan Ong Seng Peng (kanan) melihat keadaan taman permainan yang sudah dibaik pulih

tahun dan bila ia diubah dengan banyak permainan baru, lampu limpah dan kemudahan lain maka orang ramai serta penduduk di sini mula berminat untuk ke sini berehat dan beriadah," katanya kepada Selangor Kini yang membuat tinjauan di situ.

Berhubung perkara itu, Pembantu Khas Adun Kajang, Ong Seng Peng berkata, sejak pentadbiran kerajaan negeri bertu-

kar tangan kepada PR, pelbagai perubahan giat diusahakan demi kebajikan rakyat.

Program baik pulih ini diusahakan oleh Adun Kajang, Lim Kim Sin, hasil perbincangan bersama MPKj dengan peruntukan RM80,000.

"Proses membaik pulih itu dimulakan November tahun lalu dan disiapkan pada Februari lalu," katanya.

Penduduk puas hati simpang jalan dinaik taraf

PENGGUNA jalan raya, khususnya penduduk yang mendiami Kampung Sungai Sekamat dan kawasan berhampiran, kini tidak lagi menghadapi masalah kesesakan apabila persimpangan jalan di kawasan itu dinaik taraf pada akhir tahun lalu.

Pembantu Khas Adun, Kajang, Ong Seng Peng (*gambar*) berkata, kerajaan menaik taraf persimpangan jalan di Sungai Sekamat itu dijalankan kerajaan negeri dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya (JKR) kerana memahami masalah yang dihadapi pengguna jalan raya sejak 10 tahun lalu.

Menurutnya, sebelum itu masalah kesesakan jalan raya berlaku hampir saban hari akibat laluan yang agak kecil dan dihadapi pengguna termasuk penduduk di kawasan itu yang melibatkan lebih kurang 5,000 orang.

Katanya, Lim Kim Sin selaku

Adun Kajang mengemukakan masalah itu kepada kerajaan negeri yang akhirnya membuat keputusan menjalankan kerja-kerja naik taraf tersebut.

Persimpangan ini adalah laluan masuk dan keluar penduduk di sini setiap hari dan terdapat beberapa kampung dan taman perumahan di kawasan ini seperti Kampung Sungai Sekamat, Taman Kasih, Taman Sekamat, Taman Sekamat Jaya serta yang lain.

"Dengan peningkat-ataran persimpangan jalan raya di sini yang dijalankan kerajaan negeri dan JKR akan menyelesaikan masalah kesesakan yang dihadapi orang ramai selama ini," katanya kepada Selangor Kini.

Ong menjelaskan, pihaknya kini mendapat maklum balas positif daripada orang ramai berikutan perubahan yang dilakukan ke atas persimpangan jalan raya tersebut.



Oleh TRICIA YEOH

Jalanan rumit antara dunia perniagaan dan politik sudah menjadi tradisi lama di Malaysia.

Kroni kapitalisme, ialah istilah yang digunakan bagi menghuraikan hubungan berselirat antara perniagaan, ahli politik dan negara. Di mana individu di sektor swasta menerima faedah dengan mendapat lesen, konsesi, subsidi kerajaan, serta lain-lain bentuk perlindungan daripada kerajaan dan pelantikan kepada perusahaan utama yang dimiliki kerajaan menerusi hubungan rapat mereka dengan ahli-ahli politik dan birokrat.

Ini seringkali mendorong penggunaan sub-optimum sumber-sumber nasional seperti beralihnya sumber-sumber yang terhad daripada penggunaan yang produktif (akibat anugerah projek gajah putih, kualiti kerja yang rendah, lebihan kos yang berterusan, dan apabila firma-firma yang dipilih ini gagal melaksanakannya, kerajaan pula yang diharapkan untuk membayar ganti rugi dengan menggunakan dana awam).

Soalan utama yang perlu ditanya dalam suasana perubahan regim ialah: Benarkah boleh dibebaskan yang satu dari yang lainnya, sedangkan hal ini sudah diterima sebagai lumrah? Kedua, bagaimanakah sebuah kerajaan baru boleh bertindak bagi menangani perubahan drastik ini?

Bajet Bayangan Pakatan Rakyat (PR) mengaku, contohnya, 'Pakatan berhadapan dengan tentangan daripada kroni-kroni yang

Maka itu kepintaran politik kini menjadi satu kemahiran penting bagi individu untuk meraih peluang, tanpa perlu memiliki kemahiran keusahawanan dan teknikal yang setimpal



Malaysia setelah perubahan regim

mahu meneruskan perlindungan dan rent-seeking' apabila ia mula mencuba tender terbuka dan polisi perolehan yang lebih telus.

Ini kerana kroni kapitalisme dan rent-seeking sudah menjadi norma dalam politik Malaysia.

Perniagaan dan politik pasca-kolonial

Sejarah hubungan di antara perniagaan dan parti politik berawal pada tahun-tahun terakhir pemerintahan kolonial British.

Tokoh-tokoh perniagaan Cina menyertai politik menerusi perikatan parti MCA dengan Umno pada 1950-an.

MCA membiayai perbelanjaan Umno dan Perikatan dalam pilihan raya 1952, 1955 dan 1959.

Taikun-taikun Cina ketika itu

membiayai Umno sejak dari awal lagi, dan hubungan saling menguntungkan ini pun terjelma.

Akan tetapi, parti-parti politik bukan sahaja menerima taaan daripada taikun Cina, malah dari semua taikun tanpa mengira bangsa.

Tidak banyak yang berubah sejak 1960-an. Apa yang berubah adalah pada masa lalu, kontrak, tender atau pelantikan dibuat berdasarkan kemampuan dan kepakaran, dan ditambah dengan kelebihan hubungan politik, tetapi hari ini ia lebih banyak menjurus hubungan politik dan etnik.

Kerajaan membuat keputusan bukan kerana yang terpilih ini paling kompetitif atau layak tetapi atas sebab-sebab lain. Maka itu kepintaran politik kini menjadi satu kemahiran penting bagi individu untuk meraih peluang, tanpa perlu memiliki

kemahiran keusahawanan dan teknikal yang setimpal.

Pembiayaan parti politik

Umno secara tradisi bergantung kepada yuran keahlian dan sumbangan daripada individu perseorangan. Umno membesar dengan bergantung lebih kepada pelaburan dan kepentingan perniagaannya.

Ahli-ahli Umno dahulu terdiri daripada golongan guru dan kakitangan awam, namun majoriti ahlinya sekarang adalah para usahawan dan tokoh-tokoh korporat.

Bekas bendahari Umno, Tengku Razaleigh Hamzah memberitahu bagaimana beliau ditugaskan untuk mencari pelaburan bagi Umno dan menyedari wujudnya dana politik rahsia ini.

Amat penting bagi sebuah kerajaan baru untuk mengenakan peraturan yang ketat dan menguatkuasakan pembiayaan politik, sekalipun ini akan menjejaskan politiknya sendiri

Barry Wain dalam bukunya mendakwa dana tersebut bernilai RM88.6 juta pada 1984. Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad memberitahu Transparency International (TI), beliau telah menyerahkan penggantinya RM1.4 bilion harta, saham dan tunai

Kajian TI pula mendapati parti-parti gabungan Pakatan Rakyat masih bergantung dengan sokongan akar umbi.

Akan tetapi, laporan TI menyebut dengan jelas betapa golongan saudagar atau individu kaya-raya yang berkepentingan ini sanggup memberi wang kepada ahli-ahli politik bagi meraih laba perniagaan, dan ini mengukuhkan hujah tentang wujudnya ikatan kuat antara politik dan wang rasuah.

Bajet Bayangan Pakatan telah menggariskan pendirian jelas mereka yang ingin merungkai monopoli dan oligopoli di Malaysia jika mereka mendapat kuasa. Matlamatnya juga adalah untuk 'membebaskan semua syarikat berkaitan kerajaan (GLC) daripada campur tangan politik,' agar ia dapat beroperasi mengikut kepentingan urus niaga.

Dalam soal perubahan regim, rakyat Malaysia harus sedar betapa jalinan yang terpasak antara perniagaan dan politik ini tidak mudah untuk diluruskan.

Malah dalam tempoh 100 hari pertama, apakala kerajaan Pakatan membuat langkah awal demi perubahan, ia tidak mungkin dapat menghasilkan pembaikan segera.

Rakyat Malaysia harus faham kecacatan sistem sekarang. Untuk mengatasinya, mereka perlu sedar perubahan perlukan masa untuk dilaksanakan.

Maka itu adalah amat penting bagi sebuah kerajaan baru untuk mengenakan peraturan yang ketat dan menguatkuasakan pembiayaan politik, sekalipun ini akan menjejaskan politiknya sendiri.



Projek Empangan Bakun



MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR (MES)

TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR

Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)
A1-11-2 & A1-11-3 Jalan Multimedia 7/AH, Park City, I-City, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-5521 8740 atau 03-5521 8741, Faks : 03-5521 8742 atau 03-5521 8743

SKIM MESRA USIA EMAS

Rantaian Mesra Sdn Bhd,
Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam
Tel : 03-55103468 /3472, Faks: 03-55103455 e-mail: mesrausiaemas@gmail.com

HADIAH ANAK MASUK IPT Pejabat Setiausaha Kerajaan Selangor

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Tingkat 3, Bangunan S.S.A.A.S, 40503 Shah Alam
Tel : 03-5544 7385 atau 03-5521 2275 Faks : 03-5510 4095 atau 03-5511 0659

PROGRAM PENINGKATAN HASIL BATUAN DAN GALIAN

Kumpulan Semesta Sdn Bhd, No. 2-12-01, Worldwide@7, Jalan Lazuardi 7/29, Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-5518 7735 , Faks : 03-5518 7736 email : info@semesta.com.my
url : www.semesta.com.my

TABUNG PENDIDIKAN ANAK PEKERJA LADANG

Pejabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor,
Tingkat 5, Bangunan SSAAS, 40503 Shah Alam
Tel : 03-5544 7306 atau 03-5512 3618. Faks : 03-5510 6678

PUSAT KHIDMAT KRISIS SEHENTI (OSCC)

Exco Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains Teknologi dan Inovasi
Tel : 03-5519 4346 atau 03-5544 7622. Faks : 5519 3304

BEKALAN AIR PERCUMA 20 METER PADU

Kumpulan Darul Ehsan Berhad
16th - 17th Floor, Plaza Perangasang, Persiaran Perbandaran, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-5510 3999. Faks : 03-5510 9977 Email: communications@kdeb.com
SKIM KESIHATAN WANITA

Rantaian Mesra Sdn. Bhd.

Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam
Tel: 03-55103468 / 3472. Faks: 03-55103455 Laman Web <http://www.e-mesra.org.my>

PROGRAM MIKROKREDIT MISKIN BANDAR (MIMBAR)

Mimbar Selangor
A23, Pusat Perniagaan Jubli 20, Jalan Singa J20/J, Seksyen 20, 40300 Shah Alam, Selangor
Tel: 03-55413616. Faks: 03-55413617 Laman Web <http://www.mimbarselangor.org>

SKIM MIKROKREDIT SELANGOR

Yayasan Dar al Qard al Hasan Selangor, Tingkat 2, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 4000, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-5544 7104/ 03-5519 1692/ 03-5521 2312 Fax : 03-5510 55829
Laman Web <http://www.skimsel.com>

PUSAT DIALISIS RAKYAT

Rantaian Mesra Sdn. Bhd.
Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam
Tel: 03-55103468 / 3472. Faks: 03-55103455 Laman Web <http://www.e-mesra.org.my>

PUSAT TUISYEN RAKYAT

Unit Pendidikan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Tingkat 3, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40000 Shah Alam, Selangor
TEL: 03-5544 7480/ 7481/ 7482/ 7543 FAKS: 03-5510 4095/ 5513 5564/ 5544 7391
Blog <http://tuisyenrakyat.blogspot.com>

Tempat Selangor Kini boleh diperolehi

- Pejabat Adun Pakatan Rakyat
- Pejabat Penyelaras DUN
- Majlis Semasa Solat Jumaat
- Pejabat Penghulu




- Pusat Khidmat Wakil Rakyat Pakatan
- Surau-surau Terpilih



Hartanah Hakmilik Kekal & Hampir Menerima CF

Unit-unit Pemilik Tanah untuk Dijual Kepada Bumiputra



Berminat, sila hubungi
03-6189 3521



PEMBINAAN SEBATO SDN BHD (106888-W)
No. 52B, JALAN SG 1/5, TAMAN SRI GOMBAK
68100 BATU CAVES, SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA.
TEL: 03-6189 3521/3/4/6 FAX: 03-6185 3543/6188 3315

SHAH ALAM - Sikap suka mengulang-ulang bacaan al-Quran adalah rahsia di sebalik kejayaan Badruzzaman Zakaria, Johan Hafazan Lelaki dalam Pertandingan Hafazan Peringkat Negeri Selangor 2012.

Badruzzaman dari Petaling Jaya mendapat markah tertinggi pertandingan, iaitu 97.7 peratus dalam Kategori Tahap 3 Lelaki (1 - 30 Juz) yang diadakan di Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Abdul Aziz Shah di sini, baru-baru ini.

Beliau membawa pulang RM5,000 bersama anugerah mengerjakan umrah, piala iringan dan sepersalinan pakaian.

"Nasihat saya kepada siapa yang berhasrat untuk menghafal ayat al-Quran, mereka perlu letakkan sasaran

Mengulang bacaan, rahsia kejayaan



YAM Tengku Sulaiman Shah bersalaman dengan tetamu jemputan di Pertandingan Hafazan Peringkat Negeri Selangor 2012



Badruzzaman Zakaria



Izzah Nafisah Ismail

Niat untuk menghafal kena betul dan sentiasa mengulang-ulang hafalan bagi memastikan hafalan semakin mantap

- IZZAH NAFISAH ISMAIL

Johan bagi Tahap 3 Perempuan

berapa ayat al-Quran yang ingin dihafal.

"Tidak kisah jika mengambil masa yang agak lama untuk

menghafalnya, sama ada sedikit atau banyak, yang penting keazaman dan komitmen," kata Badruzzaman yang ditemui se-

lepas majlis penyampaian hadiah.

Tempat kedua dalam kategori Tahap 3, dimenangi Suhail Ja-

maluddin dari Hulu Langat dan ketiga, Muhammad Zul Aiman Zahidi dari Kuala Selangor.

Sementara itu, johan bagi Tahap 3 Perempuan (1 - 30 Juz) jatuh kepada Izzah Nafisah Ismail dari Kuala Langat yang memperoleh 90 markah.

Izzah berkata, kejayaannya merupakan hasil kesungguhan dan keazaman yang kuat untuk memperbaiki hafalan dari masa ke semasa di samping sikap yang tidak mengenal erti jemu dan sentiasa tabah.

"Niat untuk menghafal kena betul dan sentiasa mengulang-ulang hafalan bagi memastikan hafalan semakin mantap," katanya.

Tempat kedua kategori Tahap 3 Perempuan disandang Faridah Zulkifli dari Gombak dan ketiga Maemunah Achmad Fatoni dari Petaling Jaya.

Dalam majlis itu, Tengku Panglima Diraja Selangor, YAM Tengku Sulaiman Shah Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj yang mewakili DYMM Sultan Selangor, berkenan menyampaikan hadiah kepada pemenang.

Turut hadir, Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dan tetamu jemputan.

KHAZANAH SEJARAH...

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim melihat senjata lama yang dipamerkan di Muzium Insitu Jugra yang terletak di Kampung Permatang Pasir, Banting, sambil diperhatikan Exco Adat Melayu, Belia dan Sukan, Dr Ahmad Yunus Hairi (kanan), Pengerusi PADAT, Dr Shafie Abu Bakar (tengah) dan Adun Telok Datuk, Phillip Tan Choon Swee. Muzium tersebut adalah hasil kerja-kerja ekskavasi dan pemuliharaan yang dijalankan Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT)





Pertambahan 316,000 pengundi baru di Selangor diragui

Oleh MOHD EZLI MASHUT

SHAH ALAM - Pertambahan mendadak pengundi baru di Selangor untuk suku ketiga tahun 2011 mengejutkan pimpinan Pakatan Rakyat (PR) seraya menyeru pihak Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) memberi penjelasan secara profesional berkenaan perkara itu.

Peningkatan itu seramai 316,788 orang berbanding daftar pemilih induk 2008.

Trend ini dedah Dr Xavier Jayakumar, menyamai apa yang berlaku di Terengganu apabila pentadbiran PAS ketika itu tumbang pada pilihan raya umum (PRU) 2004.

"Persoalan kita ialah bagaimana pertambahan pengundi baru di Selangor boleh berlaku secara drastik," katanya yang juga Exco Tetap Kesihatan, Pekerja Ladang, Kemiskinan dan Kerajaan Prihatin di Dewan Annex, Bangunan Sultan Abdul Aziz Shah di sini.

Jelasnya, PR merasa curiga perkara ini kerana terdapat 300 buah rumah yang mana setiap rumah mempunyai 100 pengundi.

"Jika Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim boleh dipindahkan tempat mengundi tanpa pengetahuan beliau, boleh bayangkan bagaimana dengan orang ramai yang dipindahkan nama tanpa pengetahuan," kata beliau.

Dalam sidang media itu, Dr Xavier turut mendedahkan kewujudan kad pengenalan hijau yang mempunyai tarikh luput dan membolehkan pemegangnya mengundi semasa pilihan raya di Sarawak.

"Apakah perkara ini akan juga berlaku

PETANDA BAIK... Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dan Penasihat Ekonomi Negeri Selangor, Datuk Seri Anwar Ibrahim, disambut meriah oleh kira-kira 30,000 warga Selangor sewaktu Karnival 'Terima Kasih Rakyat' yang berlangsung di Stadium Kuala Selangor. Program sempena empat tahun pemerintahan Pakatan Rakyat itu turut dihadiri Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dan Penasihat DAP, Lim Kit Siang. BERITA LANJUT MUKA 6&7



di Semenanjung Malaysia, ini persoalan yang perlu SPR jawab," tegas beliau.

Sementara itu Adun Meru, Dr Rani Osman menggesa semua pihak mengambil serius isu pertambahan undi secara mendadak kerana dibimbangi wujudnya kemungkinan warga asing menentukan masa depan negara dan bukannya pengundi warganegara Malaysia.

"Kita merasa sedih dengan kejadian wu-

judnya pengundi dari luar, kerana masa depan negara ditentukan oleh orang-orang asing, dan kita tahu bagaimana Mykad diberi kepada bukan warganegara, jadi saya harap perkara ini dipandang serius," katanya.

Rekod Daftar Pemilih Terkini Suku Tahun Ketiga 2011 menunjukkan pertambahan pengundi baru di Sabak Bernam ialah 5,711, Sungai Besar 6,049, Hulu Selangor 15,481, Tanjong Karang 4,307,

Kuala Selangor 10,083, Selayang 16,189, Gombak 15,467, Ampang 9,467, Pandan 13,175, Hulu Langat 23,334, Serdang 23,748, Puchong 19,772, Kelana Jaya 13,714.

Manakala di Petaling Jaya Selatan berlaku pertambahan sebanyak 4,143, Petaling Jaya Utara 5,603, Subang 27,765, Shah Alam 15,417, Kapar 21,606, Klang 11,702, Kota Raja 22,256, Kuala Langat 17,172 dan di Sepang 14,627.

Untuk informasi & berita terkini
Layari www.selangorku.com

mediaselangorku

<http://www.selangorku.com/?feed=rss2>
<http://twitter.com/#!/mediaselangorku/>
<http://www.facebook.com/pages/MediaSelangorku/150451995067281>

BERITA/ ARTIKEL/ VIDEO